



**JIKA SAYA  
BUKAN ATLET**

Adi Alifuddin  
Hussin

# Pilih jadi guru PJ

## ■ Adi mahu majukan atlet di peringkat sekolah

Oleh **NOR HAIRULNIZAM WAHID**  
hairulnizam@hmetro.com.my  
**Kuala Lumpur**

**A**tlet lontar peluru negara, Adi Alifuddin Hussin pernah terfikir untuk menjadi guru Pendidikan Jasmani (PJ).

**SOALAN (S):** Jika anda bukan atlet, anda mungkin seorang.

**JAWAPAN (J):** Sewaktu kecil dulu, saya pernah terfikir mahu menjadi guru seperti emak dan ayah saya. Emak saya guru Bahasa Inggeris manakala ayah pula guru Matematik. Mereka masih mengajar hingga sekarang. Ayah saya kini seorang guru besar.

**S:** Adakah ada berminat mengajar mata pelajaran berkenaan atau ada subjek lain yang menjadi minat anda?

**J:** Saya mula menceburi sukan sejak darjah lima dan guru banyak memberi galakan, jadi saya berminat menjadi guru Pendidikan

Jasmani. Memandangkan saya meminati sukan, saya rasa guru Pendidikan Jasmani lebih sesuai bagi saya.

**S:** Pernahkah ibu bapa anda mengajar anda di sekolah?

**J:** Tidak, tetapi mak ada mengajar saya bahasa Inggeris menerusi tuisyen di rumah. Ayah saya pula tegas tetapi daripada apa yang saya tahu menerusi rakan yang pernah diajarnya, mereka memang guru penyayang. Begitupun kedua-dua mereka mendi-dik saya dengan baik, Alhamdulillah.

**S:** Pernahkah anda bayangkan bagaimana agaknya jika diajar oleh ibu bapa di sekolah?

**J:** Saya tidak dapat bayangkan bagaimana, sebab mereka tidak mengajar saya ketika di sekolah.

**S:** Sebagai 'guru Pendidikan Jasmani', apa pandangan anda mengenai pembangunan sukan di peringkat sekolah?

**J:** Pada saya, seseorang atlet itu dilahirkan di sekolah. At-

let muda dididik cikgu menerusi sekolah, kemudian dari sekolah terpilih mewakili daerah dan begitulah seterusnya. Ramai tidak tahu mereka ini mempunyai bakat yang tidak ditonjolkan, jadi fokus perlu diberikan untuk pembangunan atlet di peringkat sekolah.

**S:** Bagaimana pula dengan anda?

**J:** Saya bermula sejak darjah lima dan mula serius sewaktu tingkatan satu. Saya menang kejohanan di sekolah, daerah dan juga memecahkan rekod di kejohanan Little Athletics Australia sewaktu di tingkatan dua. Malangnya rekod itu hanya bertahan setahun.

**S:** Kereta idaman anda?

**J:** Saya berminat memiliki

Mitsubishi Lancer berwarna biru metalik tetapi masih belum ada lagi.

**S:** Jika anda tidak menyertai sukan lontar peluru, sukan apa yang akan anda ceburi?

**J:** Sewaktu bersekolah dulu, saya menyertai acara olahraga, bola sepak, hoki dan bola baling. Mungkin saya memilih bola baling.

**S:** Pemain bola sepak yang anda minati?

**J:** Saya mengambil program Sumber Manusia di Universiti Putra Malaysia (UPM) bersama Bunyamin Omar dan Mahali Jalsuli. Mereka pemain bola sepak yang saya betul-betul saya kenali.

**S:** Matlamat anda lima tahun lagi?



**J:** Saya berharap dapat ke peringkat yang lebih tinggi lagi, saya berminat untuk

menyertai Olimpik. Meskipun sukar, kita tidak boleh berhenti berusaha.

AKSI Adi di padang.

